

## BAB : 10

### KEJATUHAN TUN SAMBANTHAN DALAM MIC

Walaupun Tun Sambanthan telah menunjukkan penglibatan yang begitu serius dalam pentadbiran negara namun, sebagai seorang ahli politik beliau tetap menghadapi cabaran dan dugaan, serta pahit getir dalam memimpin MIC. Kepimpinannya dalam MIC selama 18 tahun memang penuh dengan masalah, krisis, kritikan dan konflik. Tahap kegentingan ini boleh dibahagi kepada dua tempoh masa. Tempoh masa pertama bermula pada tahun 1955 hingga 1960. Tempoh masa kedua adalah dari tahun 1970 hingga 1974. Kedua-dua tempoh masa ini meliputi peringkat awal Tun Sambanthan menyertai MIC dan zaman akhir sebelum persaraannya. Pemimpin India yang terlibat dalam MIC tidak kira sama ada mewakili cawangan, negeri atau kawasan kecil merupakan golongan yang telah menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan Tun Sambanthan. Perkara-perkara bersabit dengan pentadbiran parti, resolusi dan hak orang India seringkali dipersoalkan. Tun Sambanthan menjadi sasaran mereka.

#### Cabaran Dalaman MIC

Di antara persoalan yang buat pertama kali dibangkitkan, setelah Tun Sambanthan memegang jawatan Presiden MIC pada tahun 1955 adalah **keengganannya** **beliau turut serta dalam rundingan Perlombagaan di London**. Tun Sambanthan pernah dikritik kerana sikapnya yang acuh tak acuh dalam menuntut hak orang India. Orang yang paling lantang menentang kepimpinan MIC adalah K.L. Devaser, Presiden MIC sebelum Tun Sambanthan. Beliau mengkritik tindakan Tun Sambanthan yang

enggan turut serta dalam rundingan perlembagaan ke London.<sup>1</sup> Beliau berpendapat sekiranya Tun Sambanthan tidak mewakili MIC, beberapa hak kaum minoriti orang India akan diketepikan. Tun Sambanthan tidak mahu menyertai rombongan dengan beranggapan rundingan akan membicarakan isu-isu utama negara. Beliau bertekad dalam keputusannya sebab rundingan Perlembagaan akan meliputi perbincangan isu-isu umum yang menjaga kepentingan semua kaum. Salah satu isu yang telah dibincangkan dalam Perlembagaan adalah hak kerakyatan. Orang India dan Cina telah mendapat hak pemastautinan tetap di Tanah Melayu. Tun Sambanthan menunjukkan ia sebagai satu contoh dengan mengatakan Perlembagaan menjaga kepentingan semua kaum.

Isu ini digembar-gempurkan oleh K.L. Devaser. Tengku Abdul Rahman telah melahirkan rasa bimbang dengan tindakannya yang boleh mencetuskan sentimen perkauman. Malahan, Tun Sambanthan memarahi tindakan K.L. Devaser yang telah mengaturkan satu perjumpaan dengan Tengku tanpa pengetahuannya.<sup>2</sup> K.L. Devaser semakin marah apabila dia telah ditewaskan dalam pilihanraya presiden MIC pada tahun 1956.<sup>3</sup> Tun Sambanthan pula tetap dengan pendiriannya. Beliau tidak mahu menyertai rundingan sebagai wakil kaum India kerana ia menampakkan perpecahan dalam rakyat Tanah Melayu.

K.L. Devaser juga telah meminta Tun Sambanthan untuk "*persuade the Alliance National Council to moderate the demands for privileges*".<sup>4</sup> Ternyata sekali kumpulan yang diketuai oleh K.L. Devaser dalam MIC tidak bersetuju dengan beberapa syor Suruhanjaya Reid. Mereka membantah perkara-perkara berkaitan dengan hak istimewa

---

<sup>1</sup> Straits Times, 2 November 1955. Tamil Murasu, 13 November 1955.

<sup>2</sup> Tamil Murasu, 3 November 1955.

<sup>3</sup> Straits Times, 28 April 1956.

<sup>4</sup> Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-57*, hlm. 196.

orang Melayu, tanah rezab dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan.<sup>5</sup>

Mereka berpendapat perlombagaan Persekutuan menjaga kepentingan orang Melayu, sementara hak orang India diketepikan. K.L. Devaser dan penyokong-penyokongnya aktif membincangkan isu-isu perkauman yang boleh menggugat perpaduan kaum.

Persengketaan antara K.L. Devaser dan Tun Sambanthan bermula pada tahun 1955 dan berakhir pada tahun 1956. Tun Sambanthan yang tidak tahan dengan sikap Devaser akhirnya mengambil keputusan untuk menyingkirkan dari MIC. Keputusan ini dibuat selepas berunding dengan Jawatankuasa Kerja Pusat MIC. Mengikut Perlombagaan MIC (Perkara 27), Presiden MIC mempunyai kuasa penuh untuk menyingkirkan ahli parti sekiranya mereka telah bertindak di luar batasan peraturan MIC.<sup>6</sup> Tun Sambanthan menyingkirkan Devaser pada 18hb September 1956. Devaser tidak mendiamkan diri. Beliau telah mendakwa Tun Sambanthan di mahkamah malahan, pelucutannya telah menimbulkan kekacauan dalam cawangan MIC negeri Pulau Pinang dan Selangor yang diwakili oleh barisan pemuda MIC.<sup>7</sup> K.L. Devaser berpendapat bahawa penyingkirannya telah membawa kepada "... hatred, ridicule and contempt among his colleagues and associates and to jeopardise his position in the Federal Legislative Council".<sup>8</sup> Penyingiran K.L. Devaser tidak memberi sebarang kesan buruk ke atas kepimpinan Tun Sambanthan. Cuma penyokong-penyokongnya rasa ketiadaan K.L. Devaser sebagai satu kekurangan dalam parti MIC kerana beliau lantang bersuara tentang ketidakpuashatian yang berlaku dalam kerajaan Perikatan. Mereka beranggapan Tun Sambanthan tidak berani seperti Devaser dalam menyuarakan hak orang India.

---

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Tamil Murasu, 19 Januari 1956.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Straits Times, 28 November 1956.

Tun Sambanthan dibuktikan tidak bersalah kerana beliau telah bertindak mengikut perlembagaan parti. Dengan itu, K.L. Devaser tidak bebas berpolitik lagi. Tetapi, beliau telah mendalangi kumpulan-kumpulan (*faction*) yang terus menyulitkan kepimpinan Tun Sambanthan. Sebagai pemimpin, Tun Sambanthan bijak menyelesaikan masalah yang boleh membawa kepada ketidakstabilan negara dan lebih mementingkan persefahaman antara kaum.

Situasi pada tahun 1956 telah memberi gambaran kepada Tengku Abdul Rahman bahawa beberapa ahli MIC secara terus terang menentang Perikatan. Tindakan menyoal tentang hak istimewa orang Melayu menyebabkan UMNO Selangor memutuskan hubungan dengan MIC dan seterusnya berhasrat keluar dari Perikatan.<sup>9</sup> Tun Sambanthan telah berkata, "*it is wrong to penalise a whole branch for the misdemeanours of a few*".<sup>10</sup> Beliau telah mengenalpasti tiga orang (nama tidak diberi) daripada MIC Selangor yang bertindak anti-Perikatan dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur. Beliau telahpun menyingkir mereka. Peristiwa ini jelas menunjukkan kesetiaan Tun Sambanthan terhadap Tengku dan Parti Perikatan.

Satu lagi kumpulan yang telah mencabar kepimpinan Tun V.T. Sambanthan pada tahun 1955-1956 ialah **golongan pemuda MIC cawangan Wad Bangsar - Brickfields**. Mereka juga telah menuduh sikap Tun V.T. Sambanthan yang tidak menuntut hak orang India dalam rundingan perlembagaan. Selain itu kerakyatan, pemuda MIC juga mendesak Tun Sambanthan untuk menuntut wang *South Indian Labour Fund*.<sup>11</sup> bagi melaksanakan projek penempatan semula. Usul ini dibawa oleh K. Annamalai, seorang ahli pemuda

<sup>9</sup> Straits Times, 16 December 1957.

<sup>10</sup> Straits Times, 18 December 1957.

<sup>11</sup> Mengikut Perlembagaan, SILF dimulakan bagi tujuan menjaga kebijakan dan menguruskan perbelanjaan pergi-balik (India-Tanah Melayu) orang Tamil di estet. Selepas merdeka, ramai orang India berpeluang

MIC cawangan Bangsar. Seorang lagi ketua pemuda MIC yang aktif dalam cawangan ini ialah Narayanasamy. Beliau telah mempersoalkan ketidakhadiran Tun Sambanthan untuk melawat mangsa kebakaran di Batu Road.<sup>12</sup> Narayanasamy juga menggunakan peristiwa ini untuk mendapatkan tanah kepada mangsa kebakaran.

Tindakan kumpulan pemuda MIC seolah-olah telah memberi gambaran bahawa Tun Sambanthan sebagai pemimpin MIC yang tidak menuntut hak yang sepatutnya dimiliki oleh orang India. Mereka pernah melahirkan rasa kesal terhadap sikap Tun Sambanthan yang pasif dalam soal tuntutan ini. Kumpulan Pemuda MIC ini berpendapat "orang India yang mula-mula telah menerokai hutan tebal dan menanam pokok getah di Tanah Melayu; maka, mereka memang layak untuk memperolehi tanah sebagai tanda penghargaan daripada kerajaan".<sup>13</sup>

Sebenarnya cadangan skim penempatan semula telah dibuat oleh Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi, Tanah Melayu pada tahun 1952.<sup>14</sup> Beliau telah berpendapat:

*"The scheme was meant to settle the Tamil labourers on land so that they may become happy and contented citizens, but even though the authorities had proposed a site or two for the settlement of the Tamils".<sup>15</sup>*

---

menetap di Tanah Melayu. Oleh itu, pemuda MIC mendesak wang tabung digunakan untuk keperluan semasa seperti projek penempatan semula.

<sup>12</sup> *Tamil Murasu*, 14 Februari 1956.

<sup>13</sup> Keterangan oleh S.P. Narayanasamy pada 29 November 1999 di ibupejabat NLFCS, K.L.

<sup>14</sup> *Indian Daily Mail*, 11 March 1955.

<sup>15</sup> *Ibid.*

**Indian Daily Mail** telah menulis bahawa MIC "*did not forward even a single application*" untuk mendapatkan tanah bagi penempatan semula.<sup>16</sup> Isu ini sengaja diperbesarkan kerana secara kebetulan pada tahun 1955, Tun Sambanthan merupakan Menteri Buruh. Beliau tidak dapat bertindak secara melulu kerana kesemua urusan harus melalui proses undang-undang. Tambahan pula, negara dalam proses mewujudkan kerjasama bangsa untuk mendapatkan kerajaan sendiri. Hampir keseluruhan bidangkuasa masih terletak dalam tangan pihak British. Pada masa yang sama, kerajaan Perikatan juga berwas-was dengan ancaman komunis. Tun Sambanthan berpendapat dalam kesemua gemelut ini, orang India sebagai kaum minoriti tidak harus mementingkan diri sendiri. Mereka sepatutnya bersikap bersatupadu dalam mewujudkan kerajaan sendiri. Kemarahan pemuda MIC berpunca daripada sikap MIC yang tidak mempedulikan skim tawaran oleh kerajaan. Keadaan sebegini telah membuka jalan kepada MIC dicop sebagai mengamalkan polisi anti-Tamil.<sup>17</sup> MIC telah dikritik hebat. Sekali lagi, MIC dilihat sebagai parti yang tidak berpihak kepada tuntutan hak orang India. Ia lebih menjaga hubungannya dengan Perikatan UMNO-MCA.

Walaupun, Tun Sambanthan tidak dapat menyempurnakan impian orang India untuk mendapat tanah rezab (seperti tanah rezab orang Melayu) tetapi beliau telah menggunakan kuasa portfolionya sebagai Menteri Buruh untuk memperolehi beberapa skim tanah.<sup>18</sup> Beliau juga bersikap tidak vokal kerana pemimpin dan orang Melayu telah bersetuju melonggarkan hak kerakyatan terhadap orang bukan Melayu. Beliau menasihati orang India agar mengenang budi orang Melayu yang sudi menerima kaum minoriti - orang India. Walaupun orang India adalah kaum minoriti, MIC telah diberi peluang

---

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

untuk menyertai dan berperanan dalam politik negara. Tengku Abdul Rahman telahpun memberi dua jawatan Menteri kepada orang India selepas tahun 1964. Maka, beliau telah meminta orang India agar bersikap tenang dan berterima kasih. Tindakan agresif akan meruncingkan keadaan lagi.

Tun Sambanthan juga telah lama sedar bahawa proses undang-undang akan melewatkannya segala kemudahan yang disalurkan kepada orang India. Beliau meminta orang India agar berdikari. Tidak berguna sekiranya orang India berpolitik dan bercakap sahaja tetapi yang penting adalah tindakan. Maka, pada tahun 1960 beliau telah mengasaskan satu badan koperasi (NLFCS) untuk mengatasi masalah fragmentasi. Orang India mula memiliki ladang tetapi bukan secara persendirian. Di sekitar pertengahan tahun 1960, skim penempatan semula telah dilaksanakan secara beransur-ansur.<sup>19</sup> Beliau bukan tidak mahu menuntut tetapi ingin melaksanakannya secara teratur dan mengikut proses undang-undang. Beliau tidak suka mempolitikkan isu ini seperti yang dilakukan oleh penentang-penentangnya.

Sikap yang tidak suka menuntut juga menggambarkan sifat keegoan Tun Sambanthan yang dilahirkan dalam keluarga yang kaya. Pernyataan di bawah jelas menyifatkan peribadinya:

“Masyarakat selalu mengharapkan kerajaan. Ini bukan satu usaha yang positif. Seharusnya, kita memulakan rancangan sendiri demi pembangunan ekonomi .”<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Tajuk skim tanah telah dibincangkan dalam bab penubuhan Koperasi NLFCS dan bab Menteri Buruh.

<sup>19</sup> Tamil Nesan, 28 November 1965 .

<sup>20</sup> Ibid, ‘Ucapan Tun Sambanthan dalam Mesyuarat Agong Tahunan M.I.C. Ke-19’. (dialih bahasa).

Beliau dikatakan 'lupa' bahawa dirinya sahaja kaya dan bukan masyarakat yang diwakilinya. Tun Sambanthan tidak suka merayu sekiranya sesuatu itu bukan mudah untuk diperolehi. Sebab itu, beliau tidak pernah mempersoalkan tentang hak istimewa orang Melayu, yang telah dipersetujui dan diterima dalam rundingan UMNO-MCA-MIC semasa menggubal Perlembagaan.

Satu lagi sebab yang boleh dijadikan sokongan bagi keengganan Tun Sambanthan untuk menuntut hak orang India ialah keadaan politik semasa. Tujuan kerajaan Perikatan adalah untuk mencapai kemerdekaan. Tengku Abdul Rahman yang mengetuai kabinet pertama Tanah Melayu telah berhati-hati dalam mencapai kata sepakat di kalangan ahli kabinet dan pembesar Melayu sebelum memulakan rundingan perlembagaan dengan pihak British.

'Perpaduan' telah mempercepatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu. Perlu disedari, semasa rombongan kali pertama, Oliver Lyttleton (Setiausaha Tanah Jajahan British) enggan bertemu dengan Tengku.<sup>21</sup> Sekiranya, segala tuntutan orang India dilayani oleh Tengku sudah tentu pihak British akan menangguhkan lagi tarikh kemerdekaan. Kesuntuhan masa menyebabkan tuntutan kaum minoriti sengaja ditangguhkan. Kemungkinan sekali Tengku dan ahli kabinet berpendapat apabila Tanah Melayu sudah merdeka segala tuntutan mereka boleh dipertimbangkan. Dalam suasana politik sedemikian, Tun Sambanthan turut serta untuk memenuhi keperluan Perikatan. Sungguhpun Tun Sambanthan adalah Presiden MIC tetapi pada masa yang sama, perlu disedari beliau juga adalah menteri yang harus mewakili aspirasi semua kaum di Tanah Melayu.

---

<sup>21</sup> Tunku Abdul Rahman, **Challenging Times**, Pelanduk Publication, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 164.

**Konflik antara presidensi MIC dengan cawangan negeri mengenai perkara kepimpinan, organisasi dan pentadbiran** juga turut menghantui kepimpinan Tun V.T. Sambanthan. Ketegangan antara cawangan MIC Ward Bangsar-Brickfields dengan Tun Sambanthan mengenai sosl-soal di atas muncul pada tahun 1957. Barisan Pemuda MIC telah menentang Tun Sambanthan kerana memilih seorang Punjabi sebagai wakil MIC untuk bertanding dalam pilihanraya tempatan. Pada bulan Disember, 1957, Ward Bangsar menyertai kempen pilihanraya Majlis Tempatan Kuala Lumpur. Gurdial Singh dari Perikatan dan V. David dari Parti Buruh telah dicalonkan.<sup>22</sup> Beberapa cawangan MIC tidak bersetuju dengan pencalonan Gurdial Singh dan bahagian Ward Bangsar pula menyokong calon Parti Buruh, V. David. Ketegangan mula memuncak dan akhirnya, Tun Sambanthan terpaksa membubarkan Ward Bangsar pada bulan Jun, 1958<sup>23</sup> walaupun mempunyai penyokong-penyokong pro-Tamil yang jelas. Tindakan Tun Sambanthan jelas menunjukkan sikap menjaga kepentingan kaum India dan bukannya keturunan Tamil sahaja.

Tun Sambanthan juga menghadapi masalah dengan cawangan MIC Selangor pada tahun 1958. A. Tharmalingam, Setiausaha cawangan MIC Selangor disingkirkan dari parti pada 16.5.1958 kerana telah menyokong V. David. Lantaran itu, Tharmalingam menyaman Tun Sambanthan<sup>24</sup> dan mendakwa pemecatannya tidak mengikut perlembagaan parti. Pada masa yang sama, didapati ada perebutan kuasa di kalangan pemimpin MIC cawangan negeri Selangor. Tun Sambanthan telah dimaklumkan bahawa ada dua kumpulan yang masing-masing pro Tan Sri Manickavasagam dan A.

<sup>22</sup> Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-57*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 173 dan 174.

<sup>23</sup> Tamil Nesan, 26 Jun 1958.

<sup>24</sup> Straits Times, 1 March 1960.

Tharmalingam. Tun Sambanthan berpendapat perpecahan begini adalah satu pertandingan yang tidak sihat dalam parti MIC.

Satu lagi konflik kepimpinan timbul dalam MIC cawangan negeri Pulau Pinang.<sup>25</sup> Cawangan ini diketuai oleh N.D.S. Arumugam Pillai dan timbalannya adalah A. Balakrishnan. Kedua-dua pemimpin ini tidak disenangi oleh Balaji dan Dr. Menon, ahli jawatankuua MIC, cawangan Pulau Pinang. Balakrishnan bersama dengan mereka berkompromi untuk menjatuhkan N.D.S. Arumugam Pillai. Tun Sambanthan dikritik kerana sebagai pemimpin tertinggi MIC tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul di bahagian MIC. Pada 1hb Jun 1958, beliau menghadiri mesyuarat delegasi MIC Pulau Pinang. Usul berkenaan penyingkiran A. Balakrishnan telah diluluskan. Tun Sambanthan mendiamkan diri sebagai tanda persetujuan. Perlu diingat A. Balakrishnan telah menentang Tun Sambanthan untuk jawatan Presiden MIC pada tahun 1955.<sup>26</sup>

Pada tahun 1959, Tun Sambanthan telah memecat Kattamuthu dari Jawatankuasa Kerja Pusat MIC. Beliau telah memberi alasan bahawa Kattamuthu telah mengancam perpaduan Perikatan semasa pilihanraya, tetapi pihak yang anti-Tun Sambanthan telah menyatakan penyingkiran Kattamuthu adalah disebabkan oleh tindakannya 'tidak berkempen untuk kepentingan Tun Sambanthan semasa pilihanraya'; ini menyebabkan beliau marah lalu memecatnya.<sup>27</sup>

Tun Sambanthan berpendapat sikap tidak bertanggungjawab para penentangnya boleh memburukkan keadaan politik MIC dan juga akan menjelaskan hubungan dengan parti UMNO dan MCA. Tindakan memecat juga telah dijadikan sebagai satu kritikan

<sup>25</sup> Tamil Nesan, 22 Jun 1958.

<sup>26</sup> Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-57*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 171.

<sup>27</sup> Tamil Muarasu, 1 September 1959.

bagi memburukkan lagi kepimpinannya. Tindakan menyingkir pemimpin MIC adalah jalan mudah yang diambil oleh Tun Sambanthan. Begitulah kritikan yang dilemparkan kepada pemimpin kebangsaan MIC. Setiap kali, beliau mempertahankan pendirian dengan mengatakan bahawa tindakannya mengikut perlembagaan parti. Manakala, golongan yang menentang mengkritik kepimpinannya bersifat autokratik. Tun Sambanthan tidak menyelesaikan masalah secara rundingan. Beliau tidak bertemu atau berbincang dengan pihak yang menentang polisi kepimpinannya. Sesiapa yang cuba mengancam kestabilan parti MIC dalam Perikatan akan disingkirkan dari parti.

Ramai penulis akademik berpendapat, Tun Sambanthan sentiasa mementingkan perhubungan dualisme antara Perikatan dan MIC<sup>28</sup> sehingga tidak pernah memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin bawahan untuk menentang kepimpinannya. Mereka hendak menghapuskan kuasa ini dengan memberi alasan:

*"... this power as a move to save future presidents from the unpleasant duty and the resultant unpopularity of acting against a wayward member who had the popular support of congress members."*<sup>29</sup>

Sikap ini secara tidak langsung menjadi punca ramai pemimpin berkebolehan menyertai parti Buruh dan *Peoples Progressive Party*.<sup>30</sup> Mereka yang keluar menuduh kepimpinan Tun Sambanthan yang menjadikan MIC sebagai "*the weak and exploited*

<sup>28</sup> Muniretnam Muniandy, "Senario Politik M.I.C. Dato Seri S. Samy Vellu", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1994/95, hlm. 23. (Ramai akademik bermaksud pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Sarjana ).

<sup>29</sup> Straits Times, 15 February 1958.

<sup>30</sup> Muniretnam Muniandy, "Senario Politik M.I.C. Dato Seri S. Samy Vellu", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1994/95, hlm. 174. (Ramai akademik bermaksud pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Sarjana ).

*partner on the Alliance".<sup>31</sup>* MIC hanya diterima sebagai rakan kongsi bagi memudahkan proses kemerdekaan. Dengan masuknya MIC dalam Perikatan, pihak British beranggapan rakyat Tanah Melayu yang berbilang kaum akan bersatupadu dalam menuntut kemerdekaan. Walau apapun, tuduhan dan kritikan pihak penentangnya, Tun Sambanthan tetap dengan pendiriannya untuk terus setia bersama Perikatan.

Satu lagi perkara yang membawa kepada penentangan dalam pucuk kepimpinan Tun Sambanthan ialah cadangan **melanjutkan jawatan Presiden** dari satu tahun kepada dua tahun. Pada tahun 1958, Tun Sambanthan telah mengadakan perjumpaan dengan seramai 106 ketua cawangan MIC di Kuala Lumpur. Mereka berbincang tentang Perlembagaan parti berkenaan melanjutkan pemegangan jawatan presiden dari satu tahun kepada dua tahun.<sup>32</sup> Ini bermakna pilihanraya parti akan hanya diadakan dua tahun sekali. Walau bagaimanapun, usul ini tidak diluluskan malah jawatan Presiden tidak pernah dipertandingkan sejak Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC sehingga tahun 1971. Jawatan Presiden boleh dipertandingkan tetapi sudah menjadi tradisi MIC sejak tahun 1959 untuk melantik Tun Sambanthan sebagai Presiden tanpa apa-apa bantahan. Sebab itu, beliau menjadi Presiden MIC selama 18 tahun. Dengan itu, golongan penentang Tun Sambanthan berpendapat beliau akan meneruskan kepimpinan parti secara autokratik.

Konflik antara Tun Sambanthan dengan pemimpin bawahan menjadi lebih rumit apabila beliau turut dikritik kerana **tidak mengambil tahu masalah dan tidak berusaha menjalankan hubungan yang baik dengan cawangan**. Beberapa cawangan tidak menjalankan tugas kerana kurangnya pengawasan dari pusat. Pada tahun 1958,

---

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Straits Times, 17 February 1958.

beliau tidak pernah melawat sebarang cawangan di Negeri Perak,<sup>33</sup> Setiausaha MIC cawangan Perak, Encik A.K.S. Maniam berpendapat:

*"We want our president to be available at all time to visit the branches, to expand the Congress and its activities and to give sound leadership to the growing organisation."*<sup>34</sup>

Setiausaha parti MIC cawangan Kelantan, M. Thanikodi pula menggambarkan prosidur parti sebagai 'unconstitutional dan undemocratic'<sup>35</sup> kerana polisi-polisi parti tidak dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin cawangan. Dengan itu, tidak ada penyelarasan antara cawangan dan pusat. Kebanyakan cawangan MIC tidak mengikuti perlombagaan dan bersifat autokratik. Misalnya, pada tahun 1964 cawangan MIC, Kota Bharu mengadu selama dua tahun mesyuarat agong tidak dijalankan dan ahli-ahlinya tidak diberitahu tentang pemilihan jawatankuasa, malahan wang keahlian tidak dipungut selama 5 tahun.<sup>36</sup> Apabila perkara ini dirujuk kepada Tun Sambanthan, beliau telah menyatakan 'semuanya terkawal'.<sup>37</sup>

Beberapa ahli MIC juga, mengkritik pentadbiran MIC pusat yang gemar mengedarkan laporan tahunan pada saat terakhir sebelum mesyuarat agong tahunan dimulakan. Tun Sambanthan pula menjawab kelewatan adalah berpunca daripada sikap cawangan menghantar laporan agak lewat ke ibu pejabat MIC.<sup>38</sup> Kelewatan ini juga disebabkan oleh sikap beberapa cawangan mengadakan mesyuarat tahunan bertentangan dengan perlombagaan MIC. Pada tahun 1964, cawangan MIC Sabak Bernam dan

<sup>33</sup> Straits Times, 13 February 1958.

<sup>34</sup> Straits Times, 20 September 1956.

<sup>35</sup> Straits Times, 22 January 1964.

<sup>36</sup> Straits Times, 22 January 1964.

<sup>37</sup> Ibid.

Jenjeram telah melanggar peraturan pilihanraya parti.<sup>39</sup> Pada tahun yang sama juga terdapat 10 cawangan MIC telah mengambil keputusan untuk tidak turut serta dalam mesyuarat tahunan MIC Selangor. Kelewatan di peringkat negeri telah menyulitkan penyiapan laporan mesyuarat agong tahunan.

Boleh dikatakan, cawangan Kongres Negeri dan Jawatankuasa Kerja Pusat MIC tidak bekerjasama untuk memperkuuhkan parti. Cawangan yang tidak mempunyai 100 orang ahli tidak boleh menghantar delegasi ke Mesyuarat Agong Tahunan. Malangnya, banyak cawangan wujud seperti cendawan selepas hujan tetapi tidak mempunyai keahlian seramai 100 orang. Tambahan, cawangan-cawangan seumpama ini tidak bertindak mengikut perlumbagaan parti. Kerapkali, mereka tidak mengadakan mesyuarat dan sekiranya diadakan tidak melaporkan kepada Kongres Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat seringkali ditangguhkan. Mesyuarat Agong Tahunan yang dianggap penting bagi sesebuah parti politik tidak diadakan dari tahun 1967 hingga 1973.<sup>40</sup> Mesyuarat diadakan tanpa kawalan dan peraturan.. Masalah dalam parti tidak dapat diselesaikan secara rundingan, malah pemimpin-pemimpin MIC lebih suka berdamai di mahkamah. Saman-menyaman telah menjadi agenda mereka. Pada tahun 1970-an, MIC ketandusan pemimpin muda, sehingga. Tan Sri Manickavasagam berpendapat ketiadaan bahagian pemuda "*the party has lost some of its effectiveness*".<sup>41</sup>

Kehilangan pemimpin-pemimpin muda dianggap sebagai pembaziran tenaga dan pemikiran. Penentangan yang berterusan menyebabkan Tun Sambanthan tidak dapat mengelak daripada menggunakan kuasanya untuk memecat mereka yang mengacau

---

<sup>38</sup> **Sunday Mail**, 25 November 1962.

<sup>39</sup> **Tamil Nesan**, 27 Disember 1964.

<sup>40</sup> **Ibid.**, hlm. 30.

kestabilan parti dan tindakan beliau menjadi kritikan. Malah, MIC digelar sebagai parti untuk nama sahaja. Sebenarnya ia tidak berkuasa dan sentiasa mendukung kepentingan Perikatan UMNO-MCA. Tun Sambanthan digambarkan sebagai "*could not publicly state M.I.C. views which might be contrary to government policy*".<sup>42</sup> Sepertimana pada tahun 1955, menjelang tahun 1970, beliau masih dikatakan tidak berani dalam mempertahankan hak orang India. Beliau dituduh telah mengabaikan tanggungjawab yang sepatutnya dipikul oleh seorang pemimpin MIC.

Misalnya, kepimpinan Tun Sambanthan dipersalahkan kerana tidak menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan orang India. Menurut Blueprint MIC dan Dasar Ekonomi Baru 1974, hanya 7.3% orang India yang telah memasuki ke universiti berbanding dengan orang Melayu (39.7%) dan orang Cina (49.2%).<sup>43</sup> Taraf pendidikan yang rendah menyebabkan orang India kekal dalam sektor perladangan. Menurut *Blue Print* MIC. Pada tahun 1973<sup>44</sup> hanya 5.5% orang India terlibat dalam sektor profesional dan teknikal berbanding 41.0% masih menjadi buruh ladang. Masalah fragmentasi dan tiadanya kelayakan akademik menyebabkan pada tahun 1970 sebanyak 11% orang India menghadapi masalah pengangguran dan ia merupakan angka tertinggi berbanding dengan lain-lain kaum.<sup>45</sup>

Orang India juga kurang mendapat perhatian dalam pembangunan negara. Hanya 2% orang India ditempatkan di bawah skim Felda.<sup>46</sup> Kelulusan permit kerja mengugat kedudukan orang India khasnya di estet. Mereka yang tidak mempunyai taraf kerakyatan

---

<sup>41</sup> MIC, 1973, "Tan Sri Manickavasagam Presidential Speech, August, 1973", Ibupejabat MIC,Kuala Lumpur.

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> MIC, 1973, "Tan Sri Manickavasagam Presidential Speech, August, 1973", Ibupejabat MIC,Kuala Lumpur.

<sup>44</sup> Ibid., hlm. 19.

<sup>45</sup> Ibid., hlm. 20.

dan bekerja di Tanah Melayu tanpa permit mula meninggalkan Malaysia pada tahun 1970. Walaupun MIC mempunyai Jawatankuasa Kerakyatan tetapi fungsinya masih tidak menyeluruh. Tun Sambanthan juga memulakan NLFCS, sebuah koperasi untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang India. Namun, beliau masih dikritik kerana NLFCS tidak dapat mengubah atau memperbaiki kehidupan kesemua orang India di Malaysia. Sumbangan Tun Sambanthan terhadap pembangunan orang India dipertikaikan apabila pemasalahan berkaitan sosio-ekonomi masyarakat India masih berterusan pada tahun 1970.

Apabila kepimpinan Tun Sambanthan dikritik sebagai balasannya beliau seringkali mengatakan orang India tidak mahu berdikari dan selalu suka '*talk about our glorious heritage and living in dream world*'.<sup>47</sup> Tambahan, beliau suka membandingkan orang India dengan orang Cina yang juga merupakan golongan pendatang. Beliau berkata orang India '*lacked the spirit that has become the trade mark of the Chinese*'.<sup>48</sup> Beliau juga telah menegur sikap orang India yang banyak bercakap tetapi kurang bertindak. Katanya:

*"When a Chinese talked for too long, often another Chinese would tell him 'stop talking Tamil'. ... it was the fault of Indians themselves for being branded as 'talkers' ... start thinking of their future and how they could better their livelihood and contribute to the progress of the nation."*<sup>49</sup>

Walaupun, Tun Sambanthan sentiasa membidas tentang sikap orang India tetapi ia tidak membantu dalam meredakan konflik yang semakin mencengkam kepimpinannya

---

<sup>46</sup> Ibid., hlm. 20.

<sup>47</sup> Straits Times, 23 January 1967.

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Malay Mail, 17 July 1967.

dalam parti MIC. Rasa tidak puashati sebilangan kecil pemimpin-pemimpin MIC terhadap sumbangan Tun Sambanthan sebagai presiden parti MIC terhadap orang India telah mendorong mereka untuk menuntut beliau meletak jawatan Presiden MIC. Sikap autokratik Tun Sambanthan telah banyak membantu untuk mententeramkan konflik dalaman parti. Dalam MIC, Tun Sambanthan mempunyai ramai ‘musuh dalam selimut’ yang telah menunggu saat yang sesuai untuk menjatuhkan beliau dan klimaksnya mula dilihat selepas tahun 1971.

Faktor **kepimpinan Tun Sambanthan** masih diperkatakan punca utama bagi segala pemasalahan yang timbul selepas tahun 1971. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap kepimpinan Tun Sambanthan<sup>50</sup> sama seperti apa yang diperkatakan sejak tahun 1955 iaitu MIC dikatakan tidak aktif, orang India masih tidak maju, sikap pasif pemimpin telah menyebabkan orang India banyak ketinggalan dalam mendapat hak mereka, Tun Sambanthan telah lama memegang jawatan Presiden dan bersikap autokratik.

Manakala, ada penulis yang berpendapat kepimpinan Tun Sambanthan "*the wasted years of the MIC*".<sup>51</sup> Rajeswary Ampalawanar pula melihat Tun Sambanthan sebagai seorang ‘opportunist’. Beliau telah menggunakan emosi orang Tamil untuk mengungkitkan isu-isu sensitif seperti kebudayaan Tamil dan agama Hindu bagi kenaikan dirinya sebagai Presiden MIC.<sup>52</sup> Bagaimanapun, hampir kesemua sarjana yang pernah mengkaji corak kepimpinan MIC di bawah Tun Sambanthan dengan sebulat suara

<sup>50</sup>Senarai ini dipetik daripada artikel bertajuk "A Scholar's View of the Power Struggle in the MIC" yang diberikan oleh abangnya Encik V.M. Sundram kepada penulis dan tiada rekod penerbitan.

<sup>51</sup>V. Suryanarayanan, "Indians in Malaysia: The Neglected Minority", Perpustakaan Pengajian India, Universiti Malaya, hlm. 50. (Artikel)

<sup>52</sup>Vejayan Rajaretnam, "MIC: Perjuangan dan Pencapaian Sejak 1969-1984", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1986/87, hlm.24.

berpendapat gaya kepimpinannya yang tenang tanpa kekecohan telah menyebabkan pemasalahan dalaman tidak diketahui umum.

Kepimpinan Tun Sambanthan digambarkan sebagai "*no challenge to a leader who is entering on his 8<sup>th</sup> year of office*".<sup>53</sup> Malahan, gaya kepimpinannya telah dicemburi oleh Tengku Abdul Rahman dan Tun Tan Siew Sin selaku Ketua UMNO dan MCA. Mereka melihat karier politik Tun Sambanthan tidak banyak masalah. Mereka berpendapat:

*"... enjoys neither the power nor the public attention which his senior colleagues in the Alliance have, but his problem are also fewer and much less vexing."*<sup>54</sup>

Pemasalahan dalam MIC hanya mencapai klimaks pada tahun 1971. Apabila segolongan pemimpin bawahan mula menyuarakan tentang perubahan dalam pucuk kepimpinan. Mereka berkehendakkan seorang pemimpin baru MIC yang "*dynamic, flexible and has the ability to steer the party along with developments in the country*".<sup>55</sup> Dalam pemikiran mereka Tun Sambanthan bukanlah pemimpin berkaliber sepetimana yang diharapkan oleh mereka. Mereka mengharapkan seorang pemimpin yang boleh mendapatkan dan mempertahankan lebih banyak hak untuk orang India dalam politik negara Malaysia.

Pada tahun 1971, beberapa pemimpin Jawatankuasa Kerja Pusat MIC telah bercadang untuk menentang kepimpinan Tun Sambanthan. Mereka meminta Tan Sri Manickavasagam untuk bertanding dalam Pilihanraya Presiden MIC. Selain Tan Sri

---

<sup>53</sup> Straits Times, 26 November 1962.

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Basheer Hassan bin Abdul Kader, "Intra-Party Conflict The Malaysian Indian Congress - A Case Study", Latihan ilmiah, University of Malaya, 1975/76, hlm. 36.

Manickavasagam, Senator Dato Athi Nagappan,<sup>56</sup> S.S Thangasami (cawangan Batu) dan V.M. Kandasamy (Presiden cawangan Sg. Tujoh)<sup>57</sup> telah memberi nama untuk bertanding dalam pilihanraya Presiden yang dijangka diadakan pada bulan Ogos 1971.

Walaupun terdapat ramai yang berminat untuk memimpin MIC, tetapi **cabaran daripada Timbalan Presiden MIC, Tan Sri Manickavasagam** menjadi faktor utama kepada kejatuhan Tun Sambanthan dalam MIC. Cabaran ini agak mengelirukan apabila dilihat Tan Sri Manickavasagam yang sentiasa memuji Tun Sambanthan sebagai '*true bumiputra*',<sup>58</sup> memandangkan ketaatsetiaan Tun Sambanthan terhadap kerajaan Perikatan dan Malaysia, mula mengkritik dan menentang kepimpinan Tun Sambanthan. Beliau juga pernah berkata:

*"Tun Sambanthan would go down in history for his leadership and ability in giving voice to Malaysians of Indian origin and in the expression of this voice in the cabinet and elsewhere. He has been president of MIC since 1955 and we hope that he will continue to be president for many more years to come."*<sup>59</sup>

Namun, orang yang sama telah menentang Tun Sambanthan pada tahun 1971 dengan alasan:

*"I can't let down the members of the MIC who have so much faith in me ... in the interests of the MIC I have decided to offer myself as a candidate."*<sup>60</sup>

Tan Sri Manickavasagam tidak mahu mengecewakan penyokong-penyokongnya yang ingin melihatnya menjadi Presiden MIC dengan harapan kepimpinan baru dapat

<sup>56</sup> *Malay Mail*, 1 January 1971.

<sup>57</sup> *Straits Times*, 4 December 1968.

<sup>58</sup> *Malay Mail*, 6 September 1967.

<sup>59</sup> *Straits Times*, 7 September 1967.

membawa perubahan yang diinginkan dalam parti MIC. Tan Sri Manickavasagam dan Senator Athi Nagappan merupakan pemimpin paling kanan dalam MIC pusat. Mereka telah dipujuk oleh beberapa orang dari Jawatankuasa Kerja dan Kongres Negeri untuk menentang Tun Sambanthan. Dato Athi Nagappan berkata penentangan ini bukan disebabkan oleh faktor personaliti tetapi **MIC yang bercorak 'estet'** (*estate-pattern*) perlu diubah. Beliau telah berkata, "*I am challenging the traditional leadership to bring a new face to the fore to keep abreast with Tun Razak's line of thinking.*"<sup>61</sup>

Mereka menuduh sedemikian kerana sikap Tun Sambanthan yang lebih mementingkan NLFCS dalam melaksanakan program sosio-ekonomi untuk buruh estet India daripada menggunakan kuasa politiknya untuk kemajuan masyarakat India. Beliau juga sentiasa menumpukan perhatian terhadap kemajuan mesyarakat estet daripada krisis yang melanda MIC ketika itu.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat yang diadakan pada 12hb Ogos 1971 dianggap sebagai mesyuarat paling lama dalam sejarah MIC.<sup>62</sup> Keputusan menentang kepimpinan Tun Sambanthan menjadi agenda mesyuarat. Tun Sambanthan tidak bersetuju dengan pemilihan Presiden melalui pilihanraya kerana selama ini jawatan Presiden tidak dipertandingkan. Walaupun tiada kata putus tentang pemilihan Presiden, tetapi dalam mesyuarat itu telah diputuskan pilihanraya parti akan diadakan pada bulan Mac, 1972.<sup>63</sup>

Konflik menjadi semakin tegang dengan tersebarnya berita tentang percanggahan pendapat di antara Presiden dan Naib Presiden MIC dalam akhbar-akhbar

---

<sup>60</sup> **Malay Mail**, 4 August 1971.

<sup>61</sup> **Straits Times**, 13 July 1971.

<sup>62</sup> **Malay Mail**, 13 August 1971.

<sup>63</sup> **Ibid.**

tempatan. Bagaimanapun, masing-masing menafikan konflik yang sedang melanda parti MIC bukanlah bersifat *power struggle*. Tun Sambanthan, buat kali pertama ditentang dalam masa 15 tahun kepimpinannya sebagai Presiden MIC. Beliau juga telah meninggikan suara buat kali pertama semasa melahirkan perasaan hatinya, "... *throw me out if you feel I have not done any good service to the party.*"<sup>64</sup>

Tan Sri Manickavasagam pula memberitahu hasratnya untuk bertanding dalam pilihanraya parti MIC kepada Tun Sambanthan. Tun Sambanthan pula bertanya "*Why are you in a hurry?*"<sup>65</sup> Tun Sambanthan berpendapat Tan Sri Manickavasagam telah dihasut oleh orang tertentu untuk menentangnya tetapi Tan Sri Manickavasagam menafikan tuduhan seumpama itu dan tidak berganjak daripada keputusannya. Beliau telah berkata:

*"But in politics, there is a lot of differences between us. I am not too happy to contest against him but I am doing so for the sake of the party."*<sup>66</sup>

Kedua-dua pemimpin ini mula cabar-mencabar antara satu sama lain secara terbuka. Dalam satu perjumpaan delegasi di Negeri Sembilan Tun Sambanthan telah menyindir keputusan Tan Sri Manickavasagam untuk menentangnya. Beliau berkata "*the monkey must be sure of the other branch before it decides to hop*".<sup>67</sup> Sebagai membala sindiran ini, Tan Sri Manickavasagam pula menjawab "*after 1955 Sambanthan was enjoying the*

---

<sup>64</sup> *Straits Times*, 5 July 1971.

<sup>65</sup> *Malay Mail*, 10 August 1971.

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> Basheer Hassan bin Abdul Kader, "Intra-Party Conflict. The Malaysian Indian Congress - A Case Study", hlm. 39.

*fruits of labour*".<sup>68</sup> Tun Sambanthan menganggap timbalannya belum bersedia untuk memimpin MIC tetapi Tan Sri Manickavasagam pula berpendapat Tun Sambanthan sudah terlalu lama memegang jawatan Presiden MIC dan sudah tiba masanya ia diserahkan kepada orang lain.

Keadaan seumpama ini memudahkan perpecahan di kalangan ahli MIC di peringkat negeri dan cawangan. Senario politik MIC pada tahun 1971 telah melahirkan dua kumpulan (*faction*) yang masing-masing telah menyokong Tun Sambanthan dan Tan Sri Manickavasagam. Penyokong kedua-dua pemimpin mengadakan kempen di seluruh Malaysia. Pada 9hb Ogos 1971, Pengurus cawangan Simpang (Kuala Lumpur) R. Satehinathan bersama beberapa orang ahli telah melancarkan mogok lapar di hadapan ibu pejabat MIC di Jalan Maxwell.<sup>69</sup> Mereka bertindak demikian agar salah seorang daripada pemimpin MIC menarik diri daripada pilihanraya MIC. Konflik telah berlarutan sehingga menjadi berita utama menghiasi akhbar tempatan dan sudah tentunya memburukkan imej MIC.

Walaupun begitu banyak tekanan, Tun Sambanthan memang tidak menunjukkan sebarang tanda untuk berundur diri daripada MIC. Apabila ditanya tentang memberi peluang kepada orang muda untuk menerajui kepimpinan MIC, beliau telah menjawab "*Why should I? Am I not young enough?*"<sup>70</sup> Beliau yakin bahawa masih ramai orang India mahu dirinya terus menjadi Presiden MIC. Ramai pemerhati politik juga berpendapat Tun Sambanthan pasti akan menang sekiranya pilihanraya diadakan. Tun Sambanthan juga tidak mahu bertolakansur dengan Timbalannya. Beliau bukan 'gila kuasa' tetapi cuma tidak mahu mengalah (bertanding) dengan Tan Sri Manickavasagam. Beliau pernah

---

<sup>68</sup> Ibid.

<sup>69</sup> Straits Times, 12 September 1971.

berkata, "the deputy is a person put there by the president; he is proposed by me and elected at the annual delegates' meeting".<sup>71</sup>

Sebab utama Tun Sambanthan tidak mahu berundur adalah kerana:

*"... I know the people respect me for the services I have rendered through the years and I have a feeling that they will support me .... I have gained the respect and esteem for being a trustworthy member of the Cabinet and as a respectful colleague. I do not think that anyone who becomes the president of the M.I.C. will have the full influence and the goodwill that I was able to gather."*<sup>72</sup>

Tun Sambanthan begitu yakin bahawa orang India di Tanah Melayu masih memerlukannya dengan harapan dalam masa 18 tahun ini, beliau telah melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin MIC dan juga menteri tanpa bermotifkan kepentingan diri sendiri. Tetapi, suasana tegang yang melanda dalam kepimpinan MIC telah membuktikan bahawa penentangannya adalah daripada sekumpulan orang dalaman parti dan bukannya massa. Ini yang telah mendorong Tun Sambanthan begitu yakin bahawa masih ramai di kalangan orang India ingin beliau terus menjadi presiden.

Konflik dalaman parti MIC tidak dapat diredukan kerana kedua-dua pemimpin kanan MIC itu tidak mahu berdamai. Akhirnya, perkara ini telah dirujuk kepada Tengku Abdul Rahman. Tengku dalam laporan akhbarinya:

*"... do not wish to see a split in the M.I.C., and I am certain that if there is no compromise, the strength of the Indians in general and the M.I.C. in particular will be broken ... this will certainly affect the Alliance ... I am going to give my idea on this."*<sup>73</sup>

---

<sup>70</sup> **Malay Mail**, 21 September 1970.

<sup>71</sup> **Malay Mail**, 4 August 1971.

<sup>72</sup> **Ibid.**

<sup>73</sup> **Straits Times**, 12 September 1971.

Pada 2hb Oktober 1971, Tengku telah mengadakan perjumpaan dengan Tun Sambanthan, Tan Sri Manickavasagam dan Jawatankuasa Kerja Pusat parti MIC, di rumahnya di Kuala Lumpur. Tan Sri Manickavasagam meminta Tun Sambanthan untuk menulis surat perletakan jawatan sebelum beliau berundur diri daripada pilihanraya parti. Permintaan ini telah menimbulkan kemarahan Tun Sambanthan lalu beliau meninggalkan rumah Tengku.<sup>74</sup> Ramai pemimpin politik tanahair ketika itu, mengharapkan campurtangan Tengku dapat meredakan keadaan tetapi sebaliknya Tun Sambanthan sendiri tidak mahu bertolak ansur. Tengku tidak dapat membantu mendamaikan kedua-dua pihak memandangkan dirinya yang tidak berkuasa akibat pesaraannya dari politik tanahair pada 16hb September 1971.<sup>75</sup> Keadaan ini telah mendorong *'faction'* baru untuk bertindak secepat mungkin terhadap Tun Sambanthan.

Tun Abdul Razak berpendapat konflik perlu diberhentikan dengan segera kerana ia bukan sahaja mengancam perpaduan parti MIC malahan Perikatan juga.<sup>76</sup> Selaku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah berjumpa dengan kedua-dua pemimpin ini. **Tun Razak telah meminta Tun Sambanthan untuk bersara dari MIC pada bulan Jun 1973.** Manakala, Tan Sri Manickavasagam diminta untuk tidak bertanding dalam pilihanraya Presiden MIC pada tahun 1972 dan secara automatik akan dilantik sebagai Presiden parti pada tahun berikutnya.

---

<sup>74</sup> Basheer Hassan bin Abdul Kader, "Intra-Party Conflict. The Malaysian Indian Congress - A Case Study", hlm. 43.

<sup>75</sup> MIC, **Laporan Tahunan untuk Mesyuarat Agung Yang ke-21, Julai 1967-30hb Jun 1973**, Ibupejabat MIC,Kuala Lumpur, 1973.

<sup>76</sup> *Ibid.*, hlm. 44.

Peristiwa-peristiwa yang telah berlaku selepas ini tidak perlu dipertikaikan lagi. Ada laporan akhbar menulis bahawa Tun Sambanthan tidak puas hati dengan keputusan perletakan jawatan pada tahun 1973. Yang pasti adalah Tun Sambanthan harus meletak jawatan pada bulan Jun 1973 seperti yang dijanjikan kepada Tun Abdul Razak. Dengan itu berakhirlah era kepimpinan Tun Sambanthan dalam MIC selama 18 tahun (1955-1973). Pada tahun 1974, beliau bersara sepenuhnya dari politik tanahair dan hanya memegang jawatan Pengerusi, Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara dan NLFCS sehingga beliau meninggal dunia pada 21hb Mei 1979, akibat diserang sakit jantung.

Corak kepimpinan Tun Sambanthan yang autokratik dan pertikaian terhadap sumbangannya dalam pembangunan orang India sering dijadikan isu dalam konflik parti MIC. Krisis yang melanda parti MIC dari tahun 1971 hingga 1973 menjadi satu titik hitam dalam sejarah kepimpinan parti MIC. Walau bagaimanapun, era kepimpinan Tun Sambanthan, sebagai pemimpin orang India di Malaysia berakhir dengan campurtangan Tun Abdul Razak.

## KESIMPULAN

Tun Sambanthan, anak pemilik ladang getah di Sg. Siput, Perak tanpa diduga telah menjadi salah seorang ahli kabinet pertama Tanah Melayu pada tahun 1955. Semasa melanjutkan pelajaran di Universiti Annamalai, India Selatan, beliau telah menanam sikap anti-penjajah dengan menyertai gerakan '*Quit-India*'. Sekembalinya dari India dan kematian bapanya memberi peluang kepada Tun Sambanthan untuk melibatkan diri dalam kebijakan orang India di estet. Pembinaan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi, Sg. Siput mendapatkan publisiti luas bagi diri Tun Sambanthan sehingga dianggap pemimpin harapan orang India pada masa depan.

Tambahan pula, beliau menerima pelawaan segolongan kecil pemimpin MIC, cawangan Bangsar Ward-Brickfields untuk menjadi Presiden MIC kebangsaan pada tahun 1955. Beliau berpeluang untuk memegang portfolio Kementerian Buruh selepas menang dalam pilihanraya 1955. Selepas itu, beliau pernah dilantik sebagai Menteri Buruh pertama (1955-57), Menteri Kesihatan (1957-59), Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi (1960-70) dan Menteri Perpaduan (1971-74).

Ketokohan Tun Sambanthan boleh dilihat daripada dua sudut; pertama peranannya sebagai Presiden MIC dan kedua, peranannya sebagai Menteri dalam politik negara untuk kemajuan politik dan sosio-ekonomi orang India dan rakyat di Malaysia. Dalam menjalankan kedua-dua peranan di atas, beliau telah menunjukkan sikap yang saksama dan seimbang bukan sahaja kepada orang India tetapi semua penduduk di Malaysia. Sebagai Presiden MIC, Tun Sambanthan telah mengusahakan keanggotaan orang India yang 90% tinggal di estet sehingga MIC dikenali sebagai parti massa. Penyusunan organisasi dan pengendalian agenda parti dalam bahasa Tamil telah

menggalakan keahlian dan penubuhan banyak cawangan. Dalam era pimpinan Tun Sambanthan, MIC benar-benar berubah daripada corak elitisme yang dikongkong oleh orang India Bandar yang berpendidikan Inggeris.

Sebagai pemimpin orang India dalam pentadbiran negara, beliau juga memikul tugas-tugas yang mendokong kepentingan negara. Di antara perkara yang diberi tumpuan ialah taraf kerakyatan orang India, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan. Pada masa yang sama, sebagai pemimpin Perikatan yang mewakili orang India di Malaysia, beliau turut menjalankan kewajipan yang diamanahkan seperti penglibatan dalam rundingan kemerdekaan, pilihanraya-pilihanraya Umum, perjanjian Pembentukan Malaysia, pemisahan Singapura dan Konfrontasi. Beliau memberi sokongan padu kepada kesemua dasar dan peristiwa yang dijalankan oleh kerajaan bagi membuktikan kesetiaan orang India terhadap Malaysia. Malahan, dalam setiap perjumpaan dengan ahli-ahli MIC beliau menyeru orang India agar setia bersama kepimpinan Tengku Abdul Rahman.

Semasa menjalankan tugas sebagai Menteri, beliau mementingkan perpaduan kaum dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Dalam setiap Kementerian, yang diketuai, beliau merancang dan melaksanakan program-program asas pembangunan negara. Beliau adalah salah seorang Menteri dalam kabinet yang telah menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia moden. Sebagai ahli kabinet pertama dalam kerajaan Persekutuan, sudah tentu, beliau mempunyai obligasi untuk membentuk negara-bangsa Malaysia.

Walaupun memegang jawatan Menteri Buruh dan Kesihatan untuk tempoh waktu yang singkat sahaja tetapi beliau berpeluang untuk meneliti dan mengasaskan beberapa

perkara bagi pembangunan buruh India estet dan rakyat Malaysia yang lain. Di antara rancangan pembangunan terpenting di bawah portfolio Buruh dan Kesihatan ialah penguatkuasaan Undang-undang Buruh 1955, pengambilan orang tempatan dalam perkhidmatan Awam, mendesak perubahan fungsi tabung *SILF*, penetapan gaji buruh, masalah *todi*, pembinaan Hospital Bersalin Kuala Lumpur, pengambilan doktor dari India, pemberantasan penyakit-penyakit khas, pembangunan kesihata luar bandar dan permulaan Unit Darah di hospital.

Sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi, sumbangan beliau terserlah dalam pembinaan lebuh-raya dan sistem tol pertama negara, bangunan-bangunan bersifat nasional seperti Parlimen; dalam bidang Pos pula, pengeluaran setem-setem yang beraneka corak dan warna menjadi sanjungan dunia dan projek SEACOM (kabel dasar laut) dan pelancaran satelit bumi COMSAT merupakan serampang dua mata dalam bidang telekomunikasi negara. Sumbangan beliau dalam bidang Telekomunikasi sangat dihargai kerana banyak projek dirancang dan dilaksanakan sehingga menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi yang terkemuka di Asia Tenggara. Beliau memegang portfolio Kerja, Pos dan Telekomunikasi selama 10 tahun.

Dalam era 1960 dan 1970-an, berbanding dengan masa kini pentadbiran dan perancangan dalam kementerian dipikul oleh menteri dan sekumpulan kecil kakitangannya. Dalam keadaan sedemikian, Tun Sambanthan memang terkenal sebagai pencetus idea yang baik. Kebanyakan rancangan atau program pembangunan yang dilaksanakan sebagai menteri adalah buah fikirannya dan turut dibantu oleh ahli-ahli kabinet lain. Beliau sanggup mengambil risiko untuk melaksanakan sesuatu projek atau program sekiranya ia mendukung kepentingan rakyat Malaysia. Sikap ini mendorong

beliau untuk merancang banyak program perpaduan semasa menjadi menteri Perpaduan. Ia adalah portfolio baru dan Tun Sambanthan sebagai ahli kabinet paling kanan, diberikan mandat untuk mengetuainya. Di antara tugas terpenting yang dilaksanakan oleh Tun Sambanthan adalah pengenalan mata pelajaran sivik di sekolah dan kelas tadika KEMAS.

Pemimpin-pemimpin bawahan MIC menuju Tun Sambanthan tidak dapat menjalankan kewajibannya kepada orang India sebagai Presiden MIC kerana beliau juga merupakan Menteri dalam kabinet. Pertikaian yang bermula pada tahun 1955 hanya reda apabila beliau meletak jawatan pada tahun 1973.

Tun Sambanthan mempunyai kuasa sebagai Menteri jika dibandingkan jawatannya sebagai Presiden MIC. Hakikat ini tidak disedari oleh segolongan pemimpin MIC yang tidak sependapat dengan polisi kepimpinan Tun Sambanthan lalu melemparkan tuduhan dengan membuta tuli. Apa yang Tun Sambanthan tidak dapat buat sebagai Presiden MIC telah disalurkan dan dilaksanakan di bawah bidangkuasa Menteri. Sebagai Presiden MIC, beliau hanya berkesempatan untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh bangsanya. Bagi melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Presiden MIC, beliau terpaksa menggunakan jawatan Menteri bagi menyelesaikan beberapa perkara yang secara kebetulan mendukung kepentingan semua kaum di Malaysia. Sebagai Presiden MIC beliau hanya mewakili kaum India tetapi sebagai Menteri, beliau mewakili kesemua kaum di Malaysia. Apabila beliau membuat sesuatu di bawah bidangkuasa Menteri ia adalah bagi kepentingan kesemua kaum di negara ini.

Tun Sambanthan sentiasa bersikap tegas dalam melaksanakan tugasnya sebagai Menteri. Tetapi, tidak salah sekiranya segelintir pemimpin-pemimpin MIC cawangan

dan orang India menaruh lebih banyak harapan agar beliau dapat menggunakan bidangkuasa Menterinya untuk menjaga kepentingan orang India. Tetapi, kebanyakan masa usaha beliau tidak menyeluruh kerana tumpuan harus diberikan kepada banyak tugas yang mementingkan kebaikan rakyat jelata. Misalnya, Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC berinisiatif untuk mendapatkan kerakyatan tetapi pada tahun 1970 ramai orang India mula meninggalkan Malaysia kerana tiada kerakyatan.

Sepanjang 18 tahun menjadi Presiden MIC, beliau telah menyeru orang India agar setia bersama Parti Perikatan walaupun kerajaan secara langsung tidak dapat menjaga kepentingan kaum-kaum tertentu di Malaysia. Seringkali, beliau mengingatkan orang India bahawa segala tugas yang dilaksanakan oleh setiap ahli kabinet adalah bagi kepentingan rakyat keseluruhannya. Beliau menyeru agar orang India tidak terlalu bergantung kepada kerajaan. Ini terbukti apabila Tun Sambanthan menu buhkan koperasi NLFCS setelah kerajaan tidak dapat membuat undang-undang serta-merta untuk menghalang fragmentasi.

Pemimpin tidak dapat lari daripada kritikan dan masalah. Terdapat segolongan kecil pemimpin parti MIC menyalahkan kepimpinannya yang menyumbang kepada pencapaian sosio-ekonomi orang India yang tidak membanggakan dalam tempoh masa Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC.

Sumbangan beliau terhadap orang India selalu dipertikaikan. Beliau perlu dilihat sebagai pemimpin orang India dalam pentadbiran negara yang mempunyai tugas bersama-sama dengan ahli kabinet lain untuk membangun negara Malaysia. Kepimpinan beliau dalam MIC adalah sebagai satu kedudukan yang menyokong beliau bergiat cergas dalam politik kerajaan Perikatan. Sekiranya ketokohan beliau sebagai Presiden MIC

dikaji secara berasingan maka pengkaji sejarah juga akan mempertikaikan sumbangannya terhadap orang India. Maka, sumbangan Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India di Malaysia harus dinilai bersama tugas-tugas kementeriannya.

Sesiapa yang mengkaji tentang Tun Sambanthan perlu menekankan faktor zaman beliau menjadi pemimpin Perikatan. Beliau adalah pemimpin dalam kabinet yang ditubuhkan sejak zaman British, bermula tahun 1955 yang mengalami transisi masa selepas merdeka hingga tahun 1974. Dalam tempoh masa ini, negara telah menempuh beberapa masalah besar seperti ancaman komunis, konfrontasi dan rusuhan kaum. Melalui polisi dan dasar yang bersesuaian, mereka bertungkus lumus membentuk corak pentadbiran tersendiri bagi negara Malaysia yang baru merdeka. Tun Sambanthan dan pemimpin-pemimpin lain menyusun program-program pembangunan negara agar tanah air bebas dari bantuan dan tunjuk ajar orang British. Sepertimana angkatannya dalam kabinet, Tun Sambanthan juga mencorakkan jati diri bagi negara Malaysia dengan bermatlamatkan perpaduan kaum. Sekiranya, beliau mendokong kepentingan orang India sahaja, sudah tentu, Tun Sambanthan dicop sebagai mengamalkan dasar perkauman dan tidak berpeluang menjadi pemimpin dalam Kerajaan Persekutuan.

Zaman Tun Sambanthan adalah selepas berakhirnya penjajahan British. Beliau adalah negarawan yang telah menjalankan tanggungjawab sebagai Menteri kepada negara dan bangsa Malaysia, tanpa mementingkan diri sendiri. Sepanjang menjadi Menteri, beliau tidak memiliki rumah, tanah atau mengumpul harta untuk diri atau keluarganya. Malahan, beliau membelanjakan harta keluarga bagi karier politiknya. Menurut abangnya Encik Menatchi Sundram, Tun Sambanthan hanya mempunyai

simpanan sebanyak \$500 dalam bank dan tidak memiliki rumah sendiri semasa bersara dari politik.

Beliau juga adalah seorang pemimpin berkarisma tinggi, bersemangat kuat dan berwawasan. Walaupun kepimpinan beliau dalam MIC dikritik sejak tahun 1956 tetapi beliau tidak menghiraukannya. Beliau berpegang kuat kepada polisi 'apa yang dirasai benar dan adil' perlu diteruskan. Beliau juga tidak pernah mengeksplorasikan kedudukannya sebagai menteri untuk menjaga kepentingan orang India sahaja. Tun Sambanthan percaya program-program pembangunan negara jelas memanfaatkan orang India di Malaysia. Beliau menegaskan kepada orang India sekiranya hendak lebih, mereka perlu berdikari.

Tun Sambanthan juga merupakan orang India pertama di Malaysia yang mendapat gelaran 'Tun'<sup>1</sup>, satu anugerah yang paling prestij diberikan kepada seseorang yang telah menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Selepas Tun Sambanthan, tidak ada seorang pemimpin orang India yang pernah menerima penganugerahan tersebut. Sebagai menghargai jasanya dalam mengasaskan NLFCS untuk memajukan taraf hidup buruh India estet, Tun Sambanthan diberi gelaran *Father of Co-operatives*<sup>2</sup>. Kerajaan Malaysia sentiasa menghargai jasa dan sumbangan Tun Sambanthan sebagai perintis dalam mencorakkan pentadbiran dan pembangunan negara. Sebuah syair telah dihasilkan dan disampaikan oleh Prof. Dr. Mohd. Taib Osman, sempena penganugerahan Ijazah kehormat Doktor Undang-undang pada 26hb Jun 1971<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> *Straits Times*, 7 June 1967.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 3 July 1967.

<sup>3</sup> *Press Release*, 245/71, Honorary Graduan Tun V.T.Sambanthan, S.S.M., P.M.N., B.A. citation by the Public Orator Prof Mohd. Taib Osman, M.A (Malaya), Ph.D. (Indiana) made at the University of Malaya, Convocation held on Saturday, June 26, 1971.

“Tun Sambanthan bijak bestari  
Enam belas tahun memimpin parti  
Kepentingan diri beliau jauhi  
Demi perpaduan negara sakti

Sebagai Menteri Kerjaraya  
Beliau selalu berupaya  
Jalanraya tidak berpaya  
Bangunan negara megah bergaya

Jabatan Pos kita banggakan  
Layanan baik selalu diberikan  
Setem Malaysia tiada bandingan  
Indah berwarna cantek pandangan

Tanjung Datu di-sabelah selatan  
Padang Besar di utara sempadan  
Lautan China bukan halangan  
Talikom sedia menghubungkan

Sewaktu menjadi Menteri Kesihatan  
Hospital Universiti mula di-rancang  
Walaupun kemudian bertukar jawatan  
Komplex tersebut terus di-dirikan

Atas jasa yang budiman  
Universiti Malaya memberi penghargaan  
Ijazah ke-hormat dianugerahkan  
Doktor Hukum nama gelaran”

Walaupun sumbangan Tun Sambanthan terhadap orang India selalu dipertikaikan tetapi yang penting adalah segala idea dan tindakan yang diasaskannya sebagai pemimpin orang India dalam kerajaan telah membantu dalam pembangunan infrastruktur negara. Sebagai Presiden MIC, usaha-usaha pemantapan organisasi parti yang dilaksanakan oleh Tun Sambanthan telah memberikan identiti politik kepada orang India di Malaysia. Pada

Gambar 9: Hakim Tan Sri Suffian sedang mengucapkan tahniah kepada Tun Sambanthan.



Pro-Canselor Universiti Malaya, Hakim Tan Sri Mohd. Suffian, hari (26hb Jun, 1971) telah menganugerahkan Ijazah-ijazah Kehormat kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Tun V.T. Sambanthan (Doktor Hukum); Yang Berhormat Menteri dengan Tugas-tugas Khas merangkap Menteri Penerangan, Tan Sri M. Ghazali Shafie (Doktor Kesusastraan) dan Encik Lee Boon Chim, seorang dermawan (Doktor Hukum) di Konvekesyen Universiti Malaya yang diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sumber: *Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur*.

masa yang sama, tugas-tugas yang dipikul sebagai pemimpin orang India dalam pentadbiran negara turut memajukan taraf sosio-ekonomi orang India sungguhpun orang Melayu dan Cina mendapat manfaatnya. Segala tenaga dan sumbangan Tun Sambanthan

sebagai Presiden MIC dan pemimpin dalam kerajaan Malaysia meletakkan dirinya setanding dengan pemimpin-pemimpin negara yang lain. Tun Sambanthan adalah Negarawan yang telah berkecimpung dalam politik negara yang melalui era pembentukan negara-bangsa Malaysia. Tun Hussein Onn pula menggambarkan ketokohan Tun Sambanthan begini:

“Tun Sambanthan banyak membuat jasa, menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam perjuangan kemerdekaan tanahair, pembangunan negara dan perpaduan rakyat.”<sup>4</sup>

Tun Abdul Razak telah mengatakan kesetiaan Tun Sambanthan kepada negara mengatasi segala-galanya. Beliau berkata,

“Taat setianya yang jujur kepada harapan cita-cita murni rakyat serta taat setianya kepada cita-cita mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu menyebabkan beliau disegani dan dihormati oleh semua rakyat Malaysia.”<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Berita Harian, 30 Jun 1979.

<sup>5</sup> Berita Harian, 29 Jun 1973.